

04 OCT 2003

OIC: WICKREMESINGHE HANTAR WAKIL KE SIDANG KEMUNCAK OIC PUTRAJAYA

Oleh Feizal Samath

COLOMBO, 4 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Sri Lanka Ranil Wickremesinghe akan menghantar wakilnya Rauff Hakeem untuk menghadiri sidang kemuncak ke 10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya.

Akhbar Daily Mirror berkata, Wickremesinghe telah memaklumkan kepada rakan sejawatannya di Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed bahawa beliau akan menghantar seorang Menteri beragama Islam ke sidang itu yang akan berlangsung dari 11 hingga 18 Oktober.

Keputusan Perdana Menteri Sri Lanka untuk menghantar seorang umat Islam mewakilinya kena pada tempatnya kerana sebagai seorang Islam wakilnya itu boleh membuat sumbangan bermakna kepada OIC dan Islam amnya.

Rauff Hakeem merupakan Menteri Pelabuhan, Perkapalan dan Hal Ehwal Islam.

Untuk beirta-berita mengenai OIC sila layari juga www.bernama.com/oicsummit.

-- BERNAMA

FS HM PR